



Memelihara nutrien untuk penghadaman yang mudah.



Ramai ibu bapa memahami bahawa makanan bernutrisi boleh membantu menjaga si manja supaya kuat dan kurang terdedah kepada sakit biasa. Namun mungkin ada yang terlepas pandang akan kepentingan penghadaman dalam aspek ini. Sistem penghadaman kita bertanggungjawab untuk mencerna makanan supaya badan kita dapat menyerap nutrien. Oleh itu, penghadaman yang baik memainkan peranan penting dalam membina daya ketahanan semula jadi si manja terhadap penyakit.

Walau bagaimanapun, bukan semua makanan bernutrisi adalah sama. Ada yang lebih sukar di hadam kerana kaedah pemprosesan yang menggunakan haba yang terlalu panas atau tinggi. Untuk memastikan si manja boleh mencerna makanan seperti susu dan menyerap kandungan nutrien dengan mudah, Friso Gold telah menambah baik formulasinya dengan teknologi LocNutri™ terkini.

LocNutri™ adalah satu inovasi pengeluaran yang memastikan nutrien dalam susu tidak terlalu panas waktu pemprosesan. Oleh itu, nutrisi dipelihara dalam struktur semula jadinya yang mudah di hadam. Dalam ucapan semasa pelancaran Friso Gold dengan LocNutri™ baharu, Saw Chooi Lee – Pengarah Urusan Dutch Lady Malaysia menegaskan komitmen syarikat dalam melancarkan formulasi baharu ini dengan teknologi pemprosesan yang canggih.

Nutrien dalam susu adalah penting untuk pertumbuhan si manja. Nutrien susu bukan sahaja membantu otot, kulit, tulang dan tisu, tetapi juga berfungsi meningkatkan daya tahan badan terhadap penyakit. “Kami komited untuk membantu si manja dari dalam supaya mereka dapat terus belajar daripada pengalaman harian mereka,” kata Chooi Lee.

“Teknologi LocNutri™ Friso Gold memproses susu dengan rawatan haba yang sederhana. Cara ini dapat memelihara struktur asli nutrien, agar mudah di hadam dan membantu si manja menjadi lebih kuat dari dalam,” katanya.

Hadir sama dalam majlis tersebut adalah pakar perunding diet, Indra Balaratnam, Liyana Jasmay pelakon dan penyanyi serta Wayne Chua, Pelakon drama televisyen yang turut berkongsi cara mereka memberi perhatian kepada kesihatan sistem penghadaman anak-anak mereka.